

Kewajipan Memelihara Kehormatan Diri

1. Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka; sesungguhnya Allah amat mendalam pengetahuan-Nya tentang apa yang mereka kerjakan. Dan katakanlah kepada perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka dan memelihara kehormatan mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka melabuhkan tudung kepala ke paras dada mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka atau saudara-saudara mereka atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam atau hambahamba mereka atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang perhiasan yang disembunyikan mereka dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya.
2.
 - (a) Menjaga pandangan daripada melihat perkara yang haram seperti aurat manusia yang bukan mahram
 - (b) Menjauhkan diri daripada pergaulan bebas yang negatif agar dapat menjaga kehormatan diri
 - (c) Memelihara aurat seperti berpakaian yang tidak mendedahkan aurat dan mengikut hukum syarak
 - (d) Perbuatan kembali kepada Allah SWT dan menyesal dengan bersungguh-sungguh terhadap dosa yang telah dilakukan
3.
 - (a) Kita hendaklah menjaga kehormatan diri agar kehidupan dirahmati Allah SWT
 - (b) Kita hendaklah sentiasa bertaubat agar dicintai Allah SWT
4. Aktiviti murid

POWER PT3

Bahagian B

1.
 - (a)
 - (i) haram
 - (ii) tatasusila
 - (iii) Taubat
 - (iv) dada
 - (b) Individu tersebut akan dapat menjaga maruah dan kehormatan diri sebagai seorang muslim yang sejati dan dapat mendidik diri berakhlak dengan adab akhlak Islamiah.
 - (c) Pandangan akan menentukan perasaan dan keadaan hati seseorang. Oleh itu, pengabaian menjaga pandangan mata akan menyebabkan seseorang itu mudah terdorong untuk terlibat melakukan perkara yang tidak baik dan boleh merosakkan hati, iaitu hati menjadi kotor dan gelap untuk menerima perkara baik. Kesimpulannya, kita hendaklah menjaga pandangan mata agar dapat menjaga kesucian hati kita.

POWER KBAT

1. Sentiasa menundukkan pandangan daripada perkara yang haram dapat memelihara seseorang daripada melakukan perkara maksiat menyebabkannya sentiasa berada dalam pemeliharaan Allah SWT. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa berfikir sebelum bertindak supaya kehormatan diri kita sentiasa terjaga.
2. Masyarakat yang sentiasa memelihara kehormatan dan maruah seperti menjauhi pergaulan bebas akan dapat menjalani kehidupan dalam kesejahteraan. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa melakukan perkara yang bermanfaat supaya hidup dekat dengan rahmat Allah SWT.
3. Supaya kehormatan dan maruah diri seorang wanita akan terjaga dan terpelihara serta dapat menghindari daripada berlakunya perbuatan tidak senonoh dalam kalangan lelaki terhadap wanita seperti dicabul dan dirogol. Oleh itu, kaum wanita hendaklah mematuhi perintah Allah SWT dalam hal ini untuk mendapat keredaan dan rahmat-Nya agar sentiasa dilindungi Allah.